

# BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN  
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN  
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI  
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,  
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR  
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM  
BERASASKAN KESIHATAN**

*Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari*

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah  
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 8

# *Program Bakti Siswa Felda Pasoh 3 Jempol Negeri Sembilan*

**NOR SYAMALIAH NGAH & SAFLINA AZIS**

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) merupakan agenda global yang ditekankan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk semua negara menjelang 2030. Universiti turut berperanan dalam menyumbang kepada pencapaian 17 SDG ini, bagi memastikan kelestarian masyarakat yang merangkumi usaha memastikan kesejahteraan komuniti melalui sumbangan tenaga dan kepakaran kepada komuniti setempat.

Sehubungan dengan itu, pada 6 Mei 2023 yang lalu, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK), UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) Kampus Seremban, dengan kerjasama persatuan dalaman UiTM KEFAJAR telah menganjurkan satu program khidmat masyarakat iaitu Program Bakti Siswa bersama penduduk Felda Pasoh 3 Jempol Negeri Sembilan.

Program ini memberi ruang kepada mahasiswa untuk memberi sumbangan khidmat bakti kepada penduduk setempat. Ia juga menjadi platform kepada mahasiswa bagi memupuk rasa keprihatinan dan mengeratkan hubungan silaturahim antara mahasiswa dan penduduk Felda Pasoh 3 Jempol.

Program ini menjadi platform bagi melatih mahasiswa untuk menanam sikap murah hati dan sedia membantu orang lain yang memerlukan dengan memberikan sumbangan ikhlas kepada komuniti setempat. Seterusnya, ianya juga dapat memberikan pendedahahan dan kesedaran awal kepada mahasiswa tentang tanggungjawab sosial dan kebajikan yang perlu dipelihara sesama insan.

Berkonsepkan kesukarelaan dan pendidikan, program khidmat masyarakat ini telah disertai oleh 40 orang mahasiswa UiTMCNS Kampus Seremban, Staf Residen Kolej, ahli jawatankuasa Persatuan Penduduk Felda Pasoh 3 Jempol dan masyarakat setempat. Program tersebut telah dirasmikan oleh Penolong Pengurus Felda Pasoh 3 Jempol, Encik Muhammad Adli Bin Norzuki.

Melalui program khidmat masyarakat ini, iadapat menanamkan semangat toleransi dan pemuafakatan yang menjadi nilai kemanusiaansejagat. Ia juga dapat melahirkan rasa cinta terhadap kebersihan dan nilai kerjasamasebagai rakyat Malaysia. Melalui pendidikan berkualiti yang diterapkan kepada mahasiswatersebut diharapkan akan membuahkan hasil yang baik apabila mereka menceburi dunia pekerjaan kerana generasi muda adalah aset intelektual yang akan membina negara di masa hadapan dengan lebih gemilang dan dihormati.



## PELAKSANAAN PROGRAM

Program ini bermula dengan sesi taklimat yang dikendalikan oleh pengarah program dan seterusnya sesi menyantuni penduduk Felda Pasoh 3 Jempol. Terdapat tiga (3) pengisian aktiviti merangkumi aspek jasmani, kerohanian dan intelek yang dijalankan secara serentak. Program dimulakan dengan aktiviti zumba dan senamrobik bersama penduduk FELDA. Aktiviti ini berjaya menarik minat penduduk Felda Pasoh 3 Jempol untuk bersama-sama para mahasiswa menjayakan aktiviti zumba dan senamrobik tersebut.

Setelah itu, para mahasiswa telah dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan mengikut aktiviti iaitu aktiviti gotong-royong membersihkan masjid dan kawasan persekitaran Felda, aktiviti berzanji dengan penduduk Felda dan seterusnya, aktiviti bersama kanak-kanak seperti pertandingan mewarna, melukis dan beberapa aktiviti sukaneka sampingan.

Kesemua aktiviti selesai jam 12.00 tengahari. Mahasiswa dan penduduk Felda seterusnya dijamukan makan tengahari, manakala sesi pembahagian hadiah dan cenderahati dilakukan semasa sesi upacara penutup.

Secara keseluruhannya, program ini telah mendedahkan para peserta dan masyarakat tentang kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan tanggungjawab sosial dalam masyarakat dan sikap tolong menolong antara satu sama lain. Para peserta juga bersetuju bahawa mereka telah diberi pendedahan yang baik tentang tanggungjawab sosial dan saling membantu antara satu sama lain dalam kepenggunaan.

Program khidmat masyarakat ini merupakan salah satu usaha universiti bagi meningkatkan kesedaran mahasiswa untuk menyumbang kepada komuniti seterusnya mewujudkan kesejahteraan kepada rakyat dan negara.